

# **SIGNIFIKAN IMPLEMENTASI PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN) DI MALAYSIA**

*Mohd. Mahadee Ismail<sup>1</sup>  
Mohd. Syariefudin Abdullah<sup>2</sup>  
Mansor Mohd. Noor<sup>3</sup>*

## **Abstrak**

Makalah ini membincangkan tentang kepentingan pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di Malaysia yang telah dilancarkan pada 16 Februari 2004, sebagai salah satu agenda nasional dalam usaha pembangunan golongan belia yang menjadi teras pembangunan dan tulang belakang masa depan negara. Berdasarkan statistik bancian penduduk 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kumpulan belia yang berumur antara 15 hingga 24 tahun merupakan kumpulan terbesar di Malaysia. Perkembangan ini menjadikan kumpulan belia sebagai kumpulan sasar untuk dibangunkan dalam pelbagai aspek kehidupan. Di samping itu, dalam arus perkembangan negara yang amat pesat membangun dan senario dunia tanpa sempadan pada masa kini, golongan belia terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran lokal dan pada masa yang sama turut terdedah dengan ancaman global. Malah, hal yang lebih membimbangkan ialah kumpulan belia kini banyak terdedah dengan pelbagai masalah berkaitan dengan gejala sosial dan aktiviti yang tidak bermoral. Pihak kerajaan yang menyedari hakikat ini telah mengenal pasti keperluan untuk membangunkan potensi golongan belia telah merangka dan melaksanakan pelbagai bentuk polisi dan program dengan matlamat untuk melibatkan golongan belia dalam arus pembangunan negara. Pelaksanaan PLKN dilihat sebagai satu mekanisme utama untuk menangani permasalahan dalam kalangan belia, memantapkan jati diri mereka dan seterusnya mengikat kesetiaan mereka kepada negara. Justeru, makalah ini akan membincangkan signifikan implementasi PLKN dari pelbagai sudut dan pandangan berdasarkan kepada pemerhatian yang telah dijalankan di kem-kem PLKN terpilih di seluruh Malaysia. Selain itu, perbincangan

ini juga berteraskan kepada analisis yang telah dibuat ke atas modul dan submodul PLKN. Secara keseluruhannya, PLKN mempunyai matlamat yang jelas, pelaksanaannya bukan sahaja berupaya mengelakkan golongan belia terlibat dalam kancah masalah sosial tetapi berjaya memupuk semangat kekitaan bersama yang kuat, kerjasama yang tinggi dan pelatih lebih terbuka untuk memahami cara hidup serta budaya kumpulan etnik lain. Maka, PLKN dilihat amat signifikan dalam memupuk semangat satu jiwa negara bangsa acuan Malaysia.

**Kata kunci:** Khidmat Negara, belia, negara bangsa, modenisasi dan globalisasi.

## **Abstract**

This paper discusses on the importance of implementing the National Service Training Program (PLKN) in Malaysia that officially launched on 16<sup>th</sup> February 2004, as one of the national agenda in an effort to develop young generation that has become the core and backbone for future development of the country. According to the 2010 population census statistics released by the Department of Statistics, the largest youth group in Malaysia is in between 15 to 24 years old. Therefore, this group became the target group to be developed in various aspects of life. In addition, in the recent rapidly growing country and a borderless world scenario nowadays, the youth had to contend with a diverse local challenges and are also exposed to global threats. However, it is concerned that the young population today are more exposed to many problems associated with social and immoral activities. The government that was aware of this issue has identified the need to develop the potential of young people. They have established and implemented lots of policies and programs with the aim to get the youth involvement in national development. Implementation of the PLKN is seen as a key mechanism to address the problems among the youth, enhance their self-esteem and thus bind their allegiance to the country. Therefore, this paper will discuss the implementation of PLKN significantly from various angles and perspectives based on observations carried out at

selected PLKN camps throughout Malaysia. In addition, this discussion is based on the analysis that has been made on the module and sub-module PLKN. Overall, the PLKN has a clear goal, the implementation was not only able to prevent the youths' involvement in social problems but also managed to cultivate a strong sense of belonging, good cooperation with others and the trainees are more open to understand the way of life and culture of other ethnic groups. Hence, PLKN is very noteworthy in fostering a spirit of Malaysian nation states.

**Keywords:** National Service, youth, nation states, modernisation and globalisation.

## Pengenalan

Pelaksanaan PLKN digeneralisasikan sebagai salah satu langkah untuk menangani permasalahan remaja. Hal ini demikian kerana dasawarsa kini banyak mengaitkan golongan belia dengan masalah sosial yang boleh meruntuhkan nilai-nilai moral dan menjadikan pembinaan jati diri mereka. Kelompok tersebut bukan sahaja menjadi prospek masa depan negara, malah mereka merupakan kumpulan sasar terbesar yang sedang melalui suatu peringkat sosialisasi kompleks, berubah menjadi seorang insan yang lebih dewasa. Merujuk kepada statistik bancian penduduk yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia 2010, kumpulan belia yang berumur antara 15 hingga 24 tahun merupakan kumpulan terbesar di Malaysia. Perkembangan ini menjadikan kumpulan belia sebagai kumpulan sasar yang perlu diberi perhatian dan dibangunkan secara holistik dalam pelbagai aspek kehidupan. Sehubungan dengan itu, pandangan umum yang melihat PLKN hanya sebagai suatu mekanisme untuk menangani permasalahan belia adalah tidak komprehensif. Hal ini disebabkan pada hakikatnya, implementasi PLKN mempunyai matlamat yang lebih jauh dari itu. Gagasan pelaksanaannya mempunyai inti pati yang jelas, iaitu menurut Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak (semasa memegang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri), PLKN ialah sebagai satu alat pembinaan bangsa yang mana matlamat akhirnya ialah pembentukan

sebuah ‘Bangsa Malaysia’ (Jayasankaran, 2004). Bangsa Malaysia yang menurut Tun Dr. Mahathir Mohamad (1991) menerusi Wawasan 2020 adalah sebuah negara bangsa yang bersatu padu, memberikan ‘taat setia’ tanpa berbelah bahagi dan rela mengorbankan apa sahaja demi negara tercinta. Lantaran itu, tidak hairanlah mengapa PLKN mempunyai serampang pelbagai mata seperti meningkatkan semangat patriotik, memupuk perpaduan dan integrasi nasional, membentuk perwatakan positif, menyemarakkan semangat kesukarelawanan serta melahirkan generasi muda yang cergas, cerdas dan mempunyai keyakinan diri.

### ***Khidmat Negara (National Service)***

Dari kaca mata sosiologi politik, khidmat negara adalah satu wadah atau kerangka untuk membangunkan golongan muda secara menyeluruh dan komprehensif dalam segenap aspek kehidupan. Tidak dinafikan, konsep khidmat negara membawa pelbagai interpretasi dan tafsiran yang berbeza-beza berdasarkan kepada pemahaman serta pengaplikasiannya di sesbuah negara, mahupun perbezaan pandangan dalam kalangan sarjana. Walaupun terdapat perbezaan tentang konsep asas khidmat negara, pandangan yang dikemukakan oleh Grigsby (2008) telah menarik perhatian banyak pihak. Menurut beliau, program khidmat negara adalah medium untuk menjalin dan memupuk semangat baharu, membentuk satu identiti dalam kalangan golongan muda dari pelbagai lapisan masyarakat dengan sikap hormat dan kesetiaan yang tinggi. Sesetengah sarjana pula melihat khidmat negara dapat melahirkan semangat kebersamaan dalam masyarakat khasnya dalam kalangan belia yang semakin mementingkan diri sendiri (Smith, 1990). Pandangan Smith (1990) sebenarnya menyokong pandangan Moskos (1988) yang berpendapat bahawa khidmat negara adalah kaedah perkongsian tanggungjawab sivik yang menjadi gam sosial mengikat masyarakat secara bersama. Dalam pada itu, menurut Janowitz (1983), khidmat negara akan menggalakkan pembinaan semula semangat patriotisme. Semangat patriotisme generasi muda kini dilihat semakin pudar ekoran penembusan dunia global. Menerusi semangat patriotisme yang tinggi, golongan muda lebih cintakan negara dan rela mengorbankan apa sahaja

demi negara. Pandangan lain tentang khidmat negara adalah sebagai program untuk membantu golongan belia mendapat kemahiran kerja, mengurangkan pengangguran dalam kalangan belia, berbentuk program pembangunan moral yang mengajar disiplin diri dan tanggungjawab (Smith, 1990). Terdapat juga pandangan yang melihat khidmat negara sebagai khidmat masyarakat, khidmat kesukarelawanan dan pendekatan untuk membasmi masalah sosial dalam kalangan golongan muda (Smith, 1990). Berdasarkan kepada beberapa pandangan sarjana tersebut, ternyata program khidmat negara membawa banyak manfaat kepada para pesertanya. Seperti yang ditekankan oleh Moskos (1988), Smith (1990) dan Grigsby (2008), program khidmat negara membawa banyak kelebihan kepada generasi muda khasnya dan mempunyai banyak kebaikan untuk negara amnya.

## **Keunikan Khidmat Negara Acuan Malaysia**

Asas kepada pelaksanaan PLKN ialah ‘*national service*’ atau khidmat negara. Konsep khidmat negara yang diterima oleh kebanyakan negara adalah sebagai satu mekanisme yang dapat mengukuhkan asas-asas identiti nasional dan mengikat rakyat dalam sesebuah negara khususnya dalam kalangan generasi muda. Grigsby (2008) berpandangan bahawa konsep khidmat negara boleh membawa sumbangan yang besar kepada sesebuah negara memandangkan ia dapat menjalin rasa kebersamaan masyarakat terhadap negara, membina semula hubungan antara hak dan tanggungjawab warganegara, serta memulihkan hubungan di antara pihak awam dengan pihak tentera. Dalam menterjemahkan konsep khidmat negara ini, kebanyakan negara mengambil pendekatan ketenteraan dengan mensyaratkan mengikut undang-undang di mana golongan muda khususnya lelaki wajib menghabiskan suatu tempoh masa tertentu dalam angkatan tentera. Di sesetengah negara, setiap orang perlu menyertai khidmat negara selama dua tahun atau lebih, terutamanya selepas tamat alam persekolahan. Keadaan ini dapat dilihat melalui pendekatan khidmat negara yang dilaksanakan di Singapura, Korea Selatan dan Thailand yang mengaplikasikan bentuk kerahan tenaga ala ketenteraan. Sebagai contoh, di Singapura bentuk

khidmat negara yang diamalkan ialah amalan kerahan tenaga di mana setiap penduduk lelaki warganegara Singapura dan penghuni tetap tanpa mengira kaum yang telah mencecah usia 18 tahun ke atas wajib menyertai khidmat sepenuh masa sebagai *Full Time National Servicemen* (NSF) (Chuan, 2005). Mereka akan terlibat sama ada dalam *Singapore Armed Forces* (SAF), *Singapore Police Force* (SPF) atau *Singapore Civil Defence Force* (SCDF) (Chiang, 1997). Menurut Chuan (2005), program khidmat negara Singapura memainkan peranan penting dalam proses pembinaan bangsa mereka di mana generasi muda yang terdiri daripada pelbagai latar belakang telah berjaya disatukan, yang seterusnya dapat memacu perpaduan dan kesepaduan dalam kalangan warga Singapura. Melalui pendekatan ini juga, generasi muda di Singapura telah diterapkan dengan semangat patriotisme yang tinggi kepada negara (Chiang, 1997).

Di India pula, program khidmat negara yang diamalkan tidak bersifat ala ketenteraan tetapi hanya berbentuk khidmat kesukarelawanan dalam pembelajaran peringkat institusi pengajian tinggi. Tujuan utama khidmat negara di India adalah untuk membangkitkan kesedaran dalam kalangan pelajar mereka tentang realiti kehidupan, mewujudkan kefahaman yang mendalam tentang keadaan masyarakat dan mendalami masalah rakyat di samping membangunkan personaliti mereka (Government of India, 2006; Abraham, 2010). Oleh itu, setiap pelajar dikehendaki menyertai salah satu skim khidmat negara yang disediakan seperti *National Service Scheme*, *National Cadet Corps* dan *National Service Volunteer Scheme* (Government of India, 2006; Abraham, 2010). Bentuk khidmat negara di India ini mempunyai persamaan dengan apa yang dilaksanakan di Afrika Selatan dan Brazil, iaitu lebih menjurus kepada khidmat kesukarelawanan. Tujuan utama program khidmat negara di Afrika Selatan dan Brazil adalah untuk memberi peluang kepada generasi muda terlibat dalam khidmat aktiviti yang memberi manfaat kepada komuniti (Fehnel *et al.*, 2000; Brooke *et al.*, 2000).

Sehubungan dengan itu, PLKN yang dilaksanakan di Malaysia adalah unik dan berbeza dengan ‘*national service*’ yang dilaksanakan di Singapura, India, Afrika Selatan, Brazil mahupun yang terdapat di negara-negara lain. Menurut Abdul Rahman Abdul Aziz *et al.* (2004) dan Yahya Don *et al.* (2005), PLKN acuan Malaysia mempunyai keunikannya yang tersendiri berasaskan kepada beberapa ciri-ciri berikut:

- i) Melibatkan semua kumpulan etnik yang terdapat di Malaysia tidak kira lelaki mahupun perempuan.
- ii) Pelaksanaannya berteraskan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara.
- iii) Mengaplikasikan pendekatan kurikulum yang bersifat multidisiplin.
- iv) Program yang tidak berbentuk kerahan tenaga atau *military conscripts*.
- v) Membawa imej yang tersendiri dengan objektif yang jelas, pakaian seragam, logo, moto dan lagu. Ciri-ciri tersebut menunjukkan bahawa PLKN yang dilaksanakan bukan bersifat ala ketenteraan, tetapi lebih memberikan penekanan kepada aspek perpaduan, pembentukan sahsiah dan jati diri serta kerja-kerja kemasyarakatan.

Tambahan lagi, PLKN acuan Malaysia tidak menjadikan para pelatihnya sebagai tentera simpanan atau askar pelapis seperti yang diamalkan di Singapura, Korea Selatan dan Thailand ataupun seperti yang pernah dilaksanakan di Australia, Britain dan Amerika Syarikat suatu ketika dahulu. Begitu juga dengan pendekatan yang diaplikasi bukan semata-mata berbentuk khidmat kesukarelawanan seperti yang dilaksanakan di India, Afrika Selatan, Brazil, Rusia dan Mexico. Sebaliknya, bentuk khidmat negara acuan Malaysia menggunakan pendekatan multidimensi yang disesuaikan dengan keperluan masyarakat, perkembangan dasar negara dan tuntutan kontemporari.

Dalam pada itu, menurut Ketua Pengarah JLKN, keunikan PLKN yang dilaksanakan di Malaysia boleh menjadi sebagai salah satu

produk pelancongan (*Berita Harian*, 2009). Hal ini demikian kerana pihak JLKN telah menerima banyak permintaan daripada pihak luar negara untuk mengadakan rombongan lawatan ke kem-kem PLKN bagi melihat bagaimana cara Malaysia membentuk keperibadian dan jati diri generasi muda mereka (*Berita Harian*, 2009). Perkembangan ini memaparkan bahawa program khidmat negara acuan Malaysia jelas berbeza dengan pendekatan yang dijalankan di negara-negara lain.

## **Pelaksanaan PLKN**

Dalam usaha merealisasikan pelaksanaan program khidmat negara acuan Malaysia, maka pihak kerajaan telah menubuhkan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) untuk merancang, melaksana, memantau dan menilai PLKN. Jabatan ini telah mula beroperasi pada 15 Oktober 2003 dan PLKN telah dilancarkan secara rasminya pada 16 Februari 2004. Merujuk kepada laman web rasmi Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), pihak kerajaan telah menggariskan beberapa objektif berikut untuk dicapai melalui PLKN, iaitu:

- i) Meningkatkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan generasi muda.
- ii) Memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional.
- iii) Membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni.
- iv) Menyemarakkan semangat kesukarelaan di kalangan remaja.
- v) Melahirkan generasi muda yang lebih cergas, cerdas dan penuh keyakinan diri ([www.khidmatnegara.gov.my/plkn/objektif/](http://www.khidmatnegara.gov.my/plkn/objektif/)).

Pelaksanaan PLKN sebagai satu agenda nasional untuk melatih golongan muda menjadi pewaris yang cemerlang pada masa hadapan telah berpaksikan kepada beberapa konsep utama. Pertamanya ialah berteraskan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara yang menjadi pegangan hidup seluruh rakyat Malaysia. Bermakna, program yang diaplikasi tersebut akan mendukung prinsip-prinsip dan objektif yang termaktub dalam Rukun Negara. Kedua, jangka masa latihan PLKN adalah selama tiga bulan yang melibatkan lelaki dan wanita dari pelbagai

kumpulan etnik. Penyertaan adalah wajib dan tiada pengecualian, melainkan atas sebab-sebab kesihatan yang disahkan oleh doktor atau hospital kerajaan. Umur peserta yang ditetapkan adalah antara 16 hingga 35 tahun, tetapi pada ketika ini pelaksanaannya tertumpu kepada para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau seusia dengannya, iaitu dalam lingkungan umur 18 tahun (Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara, 2007).

Ketiga, kurikulum yang dibentuk bersifat multidisiplin dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti kepelbagaian etnik yang wujud di negara ini dan matlamat serampang lima mata yang disasarkan. Kurikulum yang dibentuk tersebut menekankan kepada latihan yang tidak bersifat kerahan tenaga atau *military conscript*, tetapi lebih memfokuskan kepada pembangunan insan secara menyeluruh dalam konteks kehidupan. Oleh itu, program ini tidak mengandungi hukuman bersifat penderaan tetapi mengenakan hukuman untuk tujuan mengajar. Keempat, PLKN membawa imej dan identiti tersendiri. Hal ini dapat dilihat melalui pakaian seragam, moto, logo dan lagu. Sebagai contoh, konsep logo yang diketengahkan ialah api yang sedang membara melambangkan semangat patriotisme (Jabatan Latihan Khidmat Negara, 2008).

Kelima, PLKN dilaksanakan dalam bentuk kem-kem latihan berkonsepkan khemah dan asrama. Keadaan ini membuka ruang dan peluang untuk para pelatih berinteraksi sesama mereka dengan mengamalkan dan mengutamakan semangat muhibah. Oleh sebab itu, JLKN menetapkan bilangan pelatih bagi setiap kem ialah di antara 300 hingga 400 orang sahaja. Jumlah yang tidak besar ini memudahkan para pelatih untuk lebih mengenali antara satu sama lain. Keenam, diwujudkan Kumpulan Naziran sebagai pemantau. Pasukan naziran telah diwujudkan di setiap negeri dengan dipengerusikan oleh seorang ahli Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN). Tugas utama pasukan ini adalah untuk memastikan pelaksanaan program mematuhi piawaian yang telah ditetapkan, memantau perkembangan para pelatih dan meninjau pelaksanaan modul-modul latihan (Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara, 2007).

Ketujuh, guna tenaga dari segi kepakaran dan pengalaman. Kebanyakan jurulatih PLKN adalah anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan jurulatih bertauliah yang terdiri daripada pesara tentera, graduan universiti, pegawai sektor awam dan pelbagai lagi. Kesemua jurulatih PLKN telah menjalani dan melepassi kursus *Training of Trainers* (TOT) berdasarkan kepada modul-modul yang telah ditetapkan. Kursus tersebut dikendali dan dikawal selia oleh pihak JLKN sendiri. Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti jurulatih, pihak JLKN turut menganjurkan kursus kepakaran dan *refresher course* dari masa ke semasa. Segala kepakaran dan pengalaman jurulatih ini telah digunakan sepenuhnya untuk memastikan keberkesanan modul-modul yang diadaptasi.

Melalui konsep pelaksanaan tersebut, sebanyak empat modul utama yang telah diaplikasi ke dalam program merangkumi Modul Fizikal, Modul Kenegaraan, Modul Pembinaan Karakter dan Modul Khidmat Komuniti, di samping sub-submodul yang dilaksanakan di bawah setiap modul utama. Pendekatan ‘pengajaran melalui pengalaman’ menjadikan PLKN sebagai satu program yang menyeronokkan, memberi banyak faedah dan akan menjadi kenangan kepada para pelatih sepanjang masa. Pendekatan yang diambil berbentuk pelbagai teknik seperti Latihan Dinamik Kumpulan, Peta Minda dan sebagainya menjadikan PLKN sebagai program yang menarik, tidak membebankan, tidak membosankan dan amat bersesuaian dengan jiwa pelatih pada peringkat usia sasaran.

Sehubungan dengan itu, makalah ini membincangkan signifikan implementasi PLKN dari pelbagai sudut dan pandangan berdasarkan kepada pemerhatian yang telah dijalankan di kem-kem PLKN terpilih di seluruh Malaysia. Antara kem-kem PLKN yang telah dilawati ialah Kem Tasik Meranti dan Kem Guar Chenderai, Perlis, Kem Sintok Universiti Utara Malaysia dan Kem Gardenia, Kedah, Kem Terkok, Kem Taman Kepimpinan Gemilang dan Kem Teluk Rubiah, Perak, Kem Princess Haliza, Selangor, Kem PTH Padang Hijau dan Kem Semberong, Johor, Kem Cancun Park dan Kem Kisana Beach

Resort, Kelantan, Kem Peladang Setiu Agro Resort, Terengganu, Kem Wawasan dan Kem Sinar Jaya, Sabah. Selain daripada itu, perbincangan ini juga berteraskan kepada analisis yang telah dibuat ke atas modul dan submodul PLKN.

## **Kepentingan Khidmat Negara Kepada Malaysia**

Moskos (1988), Smith (1990) dan Grigsby (2008) menegaskan bahawa program khidmat negara telah membawa banyak kebaikan kepada generasi muda khususnya proses sosialisasi dalam pembentukan jati diri mereka. Selain daripada itu, terdapat beberapa faktor lain yang menjadikan PLKN penting kepada Malaysia. Menurut Abdul Rahman Aziz *et al.* (2004) dan Yahya Don *et al.* (2005), terdapat tiga faktor utama sebab Malaysia memerlukan PLKN. Antaranya ialah perubahan dalam gagasan negara bangsa, modenisasi dan perubahan budaya. Bagi penulis, selain dari tiga faktor tersebut, terdapat faktor lain lagi yang menyebabkan negara perlu melaksanakan khidmat negara iaitu urbanisasi, perubahan teknologi, migrasi dan globalisasi. Oleh itu, secara ringkasnya dapat diketengahkan di sini bahawa faktor-faktor yang menyebabkan PLKN penting kepada Malaysia ialah gagasan negara bangsa, modenisasi, urbanisasi, perubahan teknologi, migrasi dan globalisasi kerana faktor-faktor ini juga telah membawa kepada berlakunya perubahan budaya dan cara hidup dalam masyarakat.

Pertama, perubahan pemikiran gagasan negara bangsa dan konsep kenegaraan (Abdul Rahman Aziz *et al.*, 2004; Yahya Don *et al.*, 2005). Sejak merdeka lagi, Kerajaan Malaysia telah mengambil pelbagai inisiatif untuk membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu (Kheng, 2002). Seperti mana yang telah dinyatakan oleh Gungwu (2005), proses pembinaan bangsa di Malaysia dan rantau Asia Tenggara telah bermula sejak 50 tahun yang lalu, diteruskan oleh para pimpinan negara hari ini. Walaupun pada hakikatnya pembentukan sebuah negara bangsa terlalu sukar untuk dicapai, gagasannya tetap menjadi pegangan dan matlamat utama negara. Hal ini demikian kerana pihak pemerintah menyedari tentang kepentingan mengukuhkan perpaduan serta

mengekalkan kestabilan yang dikecapi hari ini, dan melalui gagasan negara bangsa, apa yang dinikmati itu dapat dipertahankan. Antara inti pati penting yang menjadi tunjang kepada pembinaan dan pengukuhan negara bangsa ialah nilai dan semangat patriotisme dan nasionalisme (Abdul Rahman Embong, 2001, 2006 dan Mohd. Taib Osman, 2004). Akan tetapi, generasi muda kini dilihat kurang berminat dengan isu-isu kenegaraan apatah lagi soal pembentukan negara bangsa (Abdul Rahman Aziz *et al.*, 2004). Senario ini berlaku memandangkan terlalu banyak kesenangan dan kemudahan yang dinikmati oleh generasi muda masa kini. Mereka tidak pernah merasai pengalaman pahit, keperitan dan kesusahan generasi terdahulu yang terpaksa berjuang menentang penjajahan, khususnya untuk mendapatkan kedaulatan negara (Abdul Rahman Aziz *et al.*, 2004). Sehubungan dengan itu, pelaksanaan PLKN dilihat dapat menyuntik dan memupuk kembali nilai-nilai kenegaraan, khususnya dalam membangkitkan semangat patriotisme dan nasionalisme, seterusnya dapat mencorakkan pembentukan negara bangsa dalam kalangan generasi muda. Perubahan pemikiran gagasan negara bangsa dan kepentingan konsep kenegaraan juga dapat disesuaikan dengan jiwa dan naluri mereka.

Menerusi Modul Kenegaraan, para pelatih PLKN telah diberi pendedahan khusus tentang hal ehwal kenegaraan, asas sistem politik Malaysia, proses pembinaan negara bangsa, di samping penekanan terhadap peningkatan perasaan cintakan negara dan pemupukan semangat pengorbanan untuk negara. Para pelatih diajar dan didedahkan dengan terperinci tentang konsep negara, tanah air, rakyat, kerajaan dan kedaulatan. Pemahaman menyeluruh tentang konsep-konsep tersebut cukup signifikan dalam menyerap naluri dan perasaan golongan muda terhadap negara. Sebagai contoh, pendekatan pengajaran melalui elemen tanah air, para pelatih akan dibantu untuk membina serta memupuk rasa cinta yang mendalam terhadap tanah tumpah darah mereka supaya sanggup mempertahankannya daripada apa jua cabaran. Para pelatih juga perlu membincangkan tentang negara dari segi aspek geografi, keindahan bumi ini, hasilnya dan sempadan negara. Di samping itu, melalui kupasan elemen rakyat, para pelatih dapat mengetahui asal

usul pelbagai kumpulan ras dan etnik, melahirkan rasa hormat dalam kalangan sesama etnik dan antara etnik, memahami kepentingan bersatu padu melalui aktiviti seperti menganalisis fakta tentang etnik, mengharmonikan perbezaan, memahami persamaan dan pelbagai lagi. Melalui elemen kerajaan pula, para pelatih diberi pendedahan untuk memahami bagaimana negara (tanah air, rakyat, kedaulatan) ini ditadbir dan diurus, khususnya menerusi sistem pentadbiran, undang-undang dan perlembagaan. Dalam pada itu, para pelatih dapat memahami kepentingan dan cara untuk mempertahankan kebebasan negara melalui elemen kedaulatan. Selain itu, para pelatih juga didedahkan tentang perjuangan nenek moyang terdahulu dalam mendaulatkan negara dari belenggu penjajahan. Tujuannya supaya golongan muda ini dapat menghargai dan menyanjung perjuangan serta pengorbanan yang telah dicurahkan oleh orang-orang dahulu.

Apa yang lebih penting, pelaksanaan PLKN bukan hanya memberikan pemahaman tentang konsep negara dan negara bangsa, akan tetapi lebih jauh daripada itu. Dengan adanya pemahaman yang menyeluruh tentang konsep-konsep tadi, perasaan dan naluri para pelatih diikat dan diserapkan ke dalam negara. Mereka memahami keadaan persekitaran, bagaimana negara terbentuk, bagaimana negara diperintah dan memahami kepentingan hidup bersatu padu walaupun wujud perbezaan dari segi ras dan etnik. Pendedahan sedemikian telah melahirkan perasaan ‘menerima’ dan ‘mengiktiraf’ perbezaan yang wujud dalam kalangan mereka. Sentimen dan perasaan tersebut tidak dinafikan cukup sukar untuk dicapai tetapi melalui PLKN, elemen-elemen tersebut menjadi keutamaan dan sentiasa diberikan perhatian penuh. Perasaan sedemikian dan keterikatan yang kuat antara individu dengan negara, maka akan melahirkan negara bangsa. Menurut Miller (2003: 119):

*“Nation-states, then, have allowed people to work together politically on a large scale, achieving democracy and pursuing social justice with at least partial success, through the creation of common political identities that can bind people together despite their conflicting beliefs and interests, and their geographical dispersal.”*

Kedua, modenisasi yang dibawa oleh kepesatan pembangunan negara sejak merdeka telah menyebabkan berlaku transformasi dalam masyarakat, khususnya dalam konteks budaya dan cara hidup. Menurut Abdul Rahman Embong (2001, 2006), modenisasi telah menyebabkan berlakunya pertembungan di antara nilai lama dengan nilai baharu, di mana nilai baharu lebih bersifat kontraktual yang ditentukan oleh kuasa pasaran, manakala nilai lama merupakan tradisi yang dipegang sejak turun-temurun. Pertembungan nilai ini telah mengakibatkan wujudnya krisis identiti dalam kalangan generasi muda (Bucholtz, 2002). Menurut Bucholtz (2002), perubahan budaya yang pantas ini telah membawa tekanan psikologi terhadap golongan muda yang berkonflik dengan peranan golongan tua iaitu pertembungan di antara tradisi dan inovasi. Menurut Abdul Rahman Aziz *et al.* (2004) pula, modenisasi telah menyebabkan generasi muda lebih bersikap individualistik, materialistik dan konsumeristik yang boleh memenuhi kehendak dan cita rasa mereka. Mereka juga lebih selesa dengan sikap pemusatkan-kendiri atau '*self-centered*' dengan mengabaikan soal kepentingan bersama dan penglibatan dalam masyarakat (Abdul Rahman Aziz *et al.*, 2004). Oleh itu, pelaksanaan PLKN dilihat sebagai mekanisme bagi mengembalikan golongan muda pada ciri-ciri yang boleh memperkuuhkan solidariti dan simbol-simbol kepentingan bersama khususnya dalam masyarakat berbilang etnik di Malaysia.

Salah satu pendekatan yang efektif dalam menyesuaikan perubahan budaya, nilai dan sikap belia ialah melalui pembinaan karakter. Modul Pembinaan Karakter telah dirangka khusus untuk membina keperibadian atau karakter yang unggul dalam diri para pelatih. Asasnya, modul ini melibatkan tiga komponen utama iaitu; (i) menampilkan yang terbaik dalam diri sendiri, (ii) menampilkan yang terbaik dalam diri orang lain, dan (iii) Modul Budaya Kerja.

Antara penekanan yang telah diberikan lebih menjurus kepada pembinaan personaliti diri di mana para pelatih akan melalui proses penerokaan diri sendiri untuk mengetahui, mengenal pasti dan menyedari ciri-ciri diri, khususnya berkaitan dengan kekuatan dan

kelemahan diri. Selain itu, para pelatih dapat mempertingkatkan kekuatan dan mengetahui cara-cara untuk mengatasi kelemahan diri sendiri. Dalam pada itu, para pelatih juga telah diterapkan dengan nilai-nilai murni sejagat yang diterima oleh semua pihak. Modul Pembinaan Karakter juga telah memberikan penekanan kepada kewujudan dan penglibatan orang lain dalam kehidupan mereka. Melalui komponen ini, para pelatih didedahkan dengan kemahiran untuk bekerja dengan orang lain sebagai satu pasukan, teknik dan tindakan yang perlu diambil sebagai pemimpin dalam kumpulan dan bagaimana mengatasi masalah yang wujud dalam kumpulan.

Sementara itu, melalui Modul Budaya Kerja, para pelatih telah didedahkan dengan kepentingan budaya kerja dalam sesebuah organisasi, mengetahui kriteria yang diperlukan oleh sesebuah majikan dalam pengambilan pekerja serta para pelatih turut diajar dengan persediaan dan pengalaman menghadiri temu duga. Para pelatih juga diajar dengan sikap yang berkualiti seperti jujur, amanah, ikhlas, bertanggungjawab, berkeyakinan, menuaikan janji, komitmen diri, di samping kemahiran kepimpinan dan kemahiran membuat pilihan. Pendekatan yang dibawa melalui PLKN telah berjaya memupuk nilai murni dan personaliti para pelatihnya. Hal ini terbukti menerusi dapatan kajian Iran Herman *et al.* (2006) yang menegaskan bahawa nilai murni dan personaliti pelatih PLKN telah berjaya ditingkatkan selepas latihan. Fokus PLKN adalah tepat terhadap kumpulan belia dalam lingkungan umur sekitar 17 ke 19 tahun yang masih tercari-cari identiti mereka dan dalam usia yang masih mudah untuk dilentur. Seperti yang dinyatakan oleh Slavin (2000), individu biasanya mula membentuk keperibadian dan personaliti yang mereka inginkan pada usia remaja lagi iaitu dalam proses transisi menuju ke alam dewasa.

Ketiga, perkembangan pesat pembangunan urbanisasi di Malaysia. Perkembangan urbanisasi ini mempengaruhi kualiti hidup sosial yang melibatkan elemen kemanusiaan dan bukan kemanusiaan (Myrdal, 1963). Apa yang ketara, kesan daripada kepesatan urbanisasi telah mengikis sikap dan semangat kejiranan, mengubah pola kepenggunaan, mengubah

kegiatan dan interaksi sosial serta menggugat kehidupan berkomuniti dalam masyarakat. Hal ini kerana urbanisasi dengan pelbagai isu dan permasalahan sosial telah mempengaruhi pemikiran, sikap, tingkah laku dan sistem nilai golongan muda (Azizan Bahari, 1998). Apa yang membimbangkan ialah sikap individualistik semakin menebal dalam diri individu demi menjaga kepentingan diri masing-masing terutamanya dalam kalangan generasi muda. Masyarakat kurang mementingkan kebersamaan dan lebih mengutamakan kebendaan selaras dengan perkembangan sistem kapitalisme. Dalam pada itu, sikap hedonistik iaitu sikap yang mementingkan keseronokan dan kesenangan turut menyerlah khususnya dalam kalangan generasi muda kerana terlalu menurut kehendak nafsu mereka (Abdul Rahman Aziz *et al.*, 2004). Perkembangan sedemikian mudah untuk mendorong mereka terlibat dalam kancang gejala sosial yang semakin kritikal akhir-akhir ini. Lantaran itu, pelaksanaan PLKN selain daripada menjadi wahana penyatuan inter dan intra etnik, serta mewujudkan kesedaran tentang kepentingan hidup bermasyarakat melalui semangat kesukarelawanan, juga sebagai pemangkin kepada pembentukan jati diri yang cemerlang. Usaha tersebut dilihat mampu mengelakkan golongan muda dari terjebak dalam masalah sosial yang boleh meruntuhkan keharmonian masyarakat.

Menerusi Modul Pembinaan Karakter yang memfokuskan kepada elemen personaliti, pembentukan disiplin diri dan kesedaran diri terhadap perkara-perkara penting dalam kehidupan, para pelatih ditonjolkan dengan disiplin yang sepatutnya, kualiti peribadi yang baik dengan nilai-nilai murni yang menjadi teras kehidupan masyarakat. Para pelatih diajar untuk menilai sesuatu yang buruk dan sesuatu yang baik dalam kehidupan. Sikap individualistik, materialistik dan hedonistik telah cuba dikikis dalam diri pelatih melalui pelbagai teknik seperti Latihan Dinamik Kumpulan dan Penyelesaian Masalah. Di samping itu, para pelatih juga telah didedahkan dengan aktiviti kerohanian untuk mempertingkatkan etika dan moral serta mewujudkan kesedaran tentang agama dan kuasa Pencipta. Pendekatan ini bukan sahaja dapat mendidik para pelatih supaya mengawal nafsu mereka, menjalani kehidupan pada landasan yang realiti, tetapi mengajar sikap yang tidak mementingkan

diri sendiri dan mengutamakan kepentingan hidup bermasyarakat. Dengan pendekatan tersebut, sikap yang baik dan disiplin diri pelatih lebih terbina. Hal ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Smith (1990), dan menyokong hasil kajian Mohd. Mahadee *et al.* (2009) yang mendapat nilai, sikap dan disiplin diri para pelatih PLKN telah menunjukkan peningkatan selepas menjalani latihan. Mereka lebih menghayati nilai-nilai yang menjadi teras kehidupan bermasyarakat dan menyatakan kesedaran tentang pentingnya mengubah sikap yang boleh mempertingkatkan kualiti diri (Mohd. Mahadee *et al.*, 2009).

Pada masa yang sama, para pelatih juga telah mendapat latihan menerusi Modul Khidmat Komuniti yang menerapkan semangat kesukarelawanan, membentuk insan yang mempunyai jati diri cemerlang, menyuburkan kekuatan diri serta meningkatkan tahap keyakinan dalam diri setiap pelatih. Menerusi pelaksanaan modul ini, para pelatih diberi peluang untuk mencurahkan khidmat bakti mereka kepada masyarakat, kesedaran tentang aspek kejiraninan dan diberi peluang mencuba sesuatu yang baharu dalam kehidupan yang mungkin tidak pernah dilalui oleh mereka sebelum ini. Keberkesanannya PLKN dalam usaha ini dapat dibuktikan melalui hasil kajian Mohd. Ainuddin Iskandar Lee *et al.* (2006) dan Mohd. Mahadee *et al.* (2009) yang menegaskan bahawa PLKN berjaya memberikan penekanan terhadap kepentingan hidup bersama, bukan sahaja melalui realiti perkongsian di kem-kem latihan tetapi turut didedahkan kepada khidmat bakti kepada masyarakat. Apabila kita menyumbangkan khidmat bakti kepada masyarakat, secara langsung akan memperkuuh jati diri dan menambah kekuatan diri (Parsons, 1984).

Keempat, perubahan teknologi terutamanya perkembangan teknologi informasi dan komunikasi (ICT) serta telekomunikasi secara keseluruhannya telah mempengaruhi perubahan masyarakat. Masyarakat hari ini khasnya golongan muda menjalani hidup berorientasikan teknologi dan kemajuan ICT membawa satu senario baharu dalam kehidupan bermasyarakat. Perkembangan ini telah merubah paradigma sosiobudaya dalam pelbagai bentuk seperti

pemikiran, nilai dan budaya, serta gaya hidup yang dahulunya lebih bersifat kontakual kepada satu gaya hidup baharu yang lebih bersifat fantasi. Kecanggihan teknologi kini menyebabkan masyarakat jarang bersemuka dan lebih banyak berhubung melalui alam maya menerusi telefon, internet seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Friendster* dan sebagainya. Fenomena ini membawa perubahan ketara dalam konteks perhubungan masyarakat yang menjadi amalan tradisi selama ini. Dalam pada itu, teknologi baharu sering didasari oleh nilai-nilai tertentu yang sesuai dengan zaman moden di mana nilai-nilai tersebut bertentangan dengan nilai-nilai tradisi yang menjadi sebahagian daripada budaya hidup masyarakat (Azizan Bahari, 1998). Nilai-nilai moden tersebut banyak berpaksikan kepada budaya hidup Barat khususnya dari aspek tingkah laku, perhubungan, cara bertindak, pemakaian dan pelbagai lagi yang boleh menggugat jati diri individu. Menurut Mohd. Noor Mat Yazid (2010), berlaku hubungan songsang di antara pemodenan dengan tradisi masyarakat. Bermakna, semakin banyak unsur moden yang diterima oleh masyarakat, maka semakin lemah nilai-nilai tradisi, nilai moral dan agama yang dipegang oleh masyarakat (Mohd. Noor Mat Yazid, 2010). Di samping itu, perkembangan ICT turut menambah kelekaan generasi muda dengan alam fantasi yang boleh merentasi batasan sempadan sesebuah negara. Mereka asyik membazirkan masa melayari internet dengan bermain *games*, *chatting*, memuat turun pelbagai bentuk gambar dan video, melayari web yang tidak bermoral, menjalankan hubungan tanpa kawalan, terlibat dalam pelbagai bentuk penipuan mahupun perjudian dan bermacam-macam aktiviti lagi. Perkembangan sedemikian membawa pengaruh yang tidak sihat dalam proses pembesaran fizikal, perkembangan psikologikal dan intelektual golongan muda. Oleh itu, pelaksanaan PLKN menjadi mekanisme untuk mendidik dan mengubah gaya hidup golongan muda ke arah menghayati kehidupan yang lebih bermakna.

Selain pelaksanaan Modul Pembinaan Karakter dan Modul Khidmat Komuniti yang dapat membentuk personaliti, PLKN turut memberikan penekanan terhadap peningkatan kualiti peribadi melalui Modul Fizikal untuk menyesuaikan paradigma sosiobudaya dalam

pelbagai bentuk seperti pemikiran, nilai dan budaya, serta gaya hidup golongan belia masa kini. Secara spesifiknya, pelaksanaan modul fizikal adalah bertujuan untuk memupuk kemahiran, membina ketahanan mental dan emosi, memantapkan rohani dan jasmani para pelatih PLKN agar mereka menjadi seorang warganegara yang mantap, kuat serta tabah dalam menghadapi apa jua cabaran dan rintangan yang mendaratang. Di samping itu, latihan yang diterapkan melalui modul fizikal ini dapat meningkatkan interaksi dan seterusnya mengeratkan perpaduan dalam kalangan pelatih, melatih diri menjadi lebih cekal dan tabah dalam mengharungi survival hidup, mempertingkatkan daya kepimpinan individu, membangkitkan disiplin dalaman dan keyakinan diri yang tinggi, memupuk kemahiran bekerja secara berpasukan, mendidik kemahiran penyelesaian masalah, pendedahan terhadap proses pembuatan keputusan sama ada secara individu maupun berkumpulan. Antara latihan yang perlu dilalui oleh para pelatih ialah seperti kawad kaki (Regimentasi Ala Tentera), seni mempertahankan diri, bertempur tanpa senjata, teknik ikhtiar hidup dan perkhemahan, kraf hutan, pertolongan cemas, navigasi membaca peta, kompas, latihan pandu arah, menyeberangi sungai, merempuh halangan, aktiviti menggunakan tali (litar tali tinggi dan rendah), merentas desa, aktiviti air, kembara hutan, pembinaan pasukan dan pelbagai aktiviti kecergasan fizikal lain. Penerapan kesemua aktiviti fizikal tersebut dapat membina kekuatan fizikal dan pemikiran yang lebih kreatif, khususnya dalam menghadapi cabaran kehidupan. Latihan sedemikian dilihat mampu menjana satu generasi yang boleh menyesuaikan diri dengan perkembangan ICT yang pesat pada hari ini.

Kelima, aktiviti migrasi di dalam dan luar negara. Perkembangan ekonomi Malaysia telah menggalakkan aktiviti migrasi bukan sahaja dari luar bandar ke bandar, negeri yang kurang maju ke negeri yang lebih maju, malah melibatkan migrasi antarabangsa. Terdapat banyak faktor yang mendorong migrasi seperti faktor tempat asal (faktor penolak), tarikan di tempat destinasi (faktor penarik), peluang pekerjaan, mencari kehidupan dan persekitaran baharu yang lebih sempurna (Massey *et al.*, 2010) serta faktor pendidikan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012).

Aktiviti migrasi telah mempengaruhi perubahan struktur penduduk dan budaya lokal. Migrasi dalam negara kurang membawa impak terhadap perubahan masyarakat memandangkan mereka datang dari latar belakang budaya yang sama. Akan tetapi, migrasi antarabangsa telah membawa satu senario baharu dalam kehidupan masyarakat di mana wujudnya pertembungan budaya, nilai dan persepsi masyarakat. Hal ini kerana ciri-ciri migran yang berbeza akan membawa impak yang berbeza dalam masyarakat penerima (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012). Menurut Fenton (2010), perbezaan ketara di antara masyarakat penerima dengan migran ialah dari segi bahasa dan agama. Namun begitu, sekiranya terdapat persamaan dari segi bahasa dan agama sekali pun, akan tetap wujud perbezaan dari segi etnik dan budaya. Contohnya, kemasukan buruh asing dari Indonesia telah menambah kemajumkan etnik dan membawa satu lembaran budaya baharu dalam masyarakat setempat. Kebanjiran buruh asing dari Indonesia terus meningkat dari masa ke semasa dan cukup signifikan pada tahun 1990-an (Hugo, 1993; Fenton, 2010). Kebanjiran migran ini bukan sahaja menjelaskan kemudahan lokaliti seperti kemudahan kesihatan, pendidikan dan perumahan, tetapi telah membawa kepada peningkatan pelbagai bentuk masalah seperti masalah sosial, jenayah, penyebaran penyakit berjangkit dan sebagainya (Pillai, 1995). Perkembangan tersebut telah menambah tekanan dan keceluaran terhadap golongan belia yang masih mencari-cari identiti mereka. Pelaksanaan PLKN dilihat dapat memperkuatkan jati diri mereka sebagai anak Malaysia.

Bagi menghadapi cabaran aktiviti migrasi dan pertembungan budaya, PLKN telah menyediakan suatu perspektif yang lebih jelas melalui Modul Kenegaraan. Menerusi modul tersebut, para pelatih bukan sahaja didedahkan dengan perihal kenegaraan dan proses pembinaan negara bangsa, tetapi turut diajar tentang konsep membina perhubungan dalam kalangan sesama manusia. Menerusi modul tersebut juga para pelatih bukan sekadar dapat mengetahui dan memahami kepelbagaian kumpulan etnik yang wujud di Malaysia tetapi secara tidak langsung turut didedahkan dengan kewujudan kumpulan etnik lain melalui aktiviti migrasi. Perkembangan sedemikian akan

lebih membuka minda pelatih untuk sentiasa bersedia menghadapi apa jua cabaran termasuklah pertembungan budaya, bahasa, agama dan pelbagai lagi. Menerusi Modul Kenegaraan juga para pelatih diajar tentang konsep cabaran. Melalui kupasan konsep cabaran ini, para pelatih telah mendapat pendedahan tentang elemen cabaran dalam negara dan elemen cabaran luar negara. Elemen cabaran ini diperbincangkan supaya para pelatih menyedari peluang dan ancaman yang sentiasa mendatang. Pendedahan tentang perkara ini akan melatih para pelatih untuk lebih bijak mengurus dan menyelesaikan sesuatu perkara berdasarkan kepada permasalahan yang wujud (Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara, 2007).

Keenam, globalisasi menggugat jati diri generasi muda. Globalisasi membawa impak yang cukup besar menjangkaui sempadan negara dalam konteks ekonomi, politik, teknologi, bahasa, budaya dan ideologi, juga merangkumi pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Globalisasi membawa banyak kelebihan, tetapi pada masa yang sama turut membawa ancaman kepada sesebuah negara. Seperti mana yang diketengahkan oleh *United Nations World Youth Report* (2007), golongan muda mendapat banyak manfaat dari globalisasi, akan tetapi turut terdedah kepada pelbagai kesan negatif yang sukar dibendung. Antara ancaman utama globalisasi ialah ke atas pembentukan identiti nasional dan nilai-nilai tradisional (*United Nations*, 2007), jenayah antarabangsa, penyebaran penyakit, kebanjiran maklumat yang tidak berguna (Osman Bakar, 2008), peningkatan masalah sosial dan pelbagai lagi. Masalah sedemikian boleh menggugat ciri-ciri utama ‘kenegaraan’ seperti nasionalisme, patriotisme dan nilai-nilai murni (Abdul Rahman Aziz *et al.*, 2004). Menurut Turner (2002: 59-60) pula;

*“...he dangers of the modern world are that globalization increases our vulnerability through damage to the natural environment, makes our institutions even more precarious through an erosion of their sovereignty in the face of global exchanges and reduces the interconnectedness of social life by the erosion of the social capital invested in everyday life.”*

Dalam pada itu, globalisasi turut membawa pengaruh dan kesan dalam kehidupan sosial harian seseorang individu. Pengaruh tersebut ialah perspektif perubahan sosial yang berorientasikan kepada budaya dan cara hidup barat (Abdul Rahman Embong, 2000). Turner (2002), Hugo (2006), Cohen dan Kennedy (2007), serta Moghaddam (2009) juga menegaskan bahawa nilai-nilai Barat terutamanya cara hidup orang-orang Amerika telah meresap dan tersebar di seluruh dunia. Menurut Barber (1995:60),

*“Global perspective of selling American products means selling America: its popular culture, its putative prosperity, its omnipresent imagery and software. Merchandising is as much about symbols as about goods and sells not life’s necessities but life’s styles.”*

Dalam pada itu, menurut Krauss (2008), gaya hidup anak-anak muda di Malaysia sangat mudah terpengaruh dengan trend global melalui hubungan maya yang diwujudkan di seluruh pelosok dunia. Oleh itu, beliau telah membangkitkan persoalan bagaimana anak-anak muda hari ini membentuk identiti mereka apabila berhadapan dengan pelbagai kesan budaya global. Perkembangan ini telah membawa kesan yang negatif dalam konteks pembentukan sebuah negara bangsa. Maka, pelaksanaan PLKN sedikit banyak dilihat dapat menyerap tekanan pengaruh global dalam diri golongan muda di Malaysia.

Hakikat yang perlu kita terima ialah globalisasi merupakan satu fenomena sejagat yang menerobosi segenap aspek kehidupan yang boleh mempengaruhi dari sekecil-kecil perkara, sehingga kepada sebesar-besar isu. Lantaran itu, secara realistiknya fenomena ini amat sukar untuk dibendung melainkan melalui pembentukan jati diri yang holistik melibatkan pembangunan fizikal dan spiritual. PLKN yang dilaksanakan sememangnya bermatlamat untuk pembangunan jati diri generasi muda tetapi sebenarnya masih belum cukup sepenuhnya untuk mempersiapkan diri mereka bagi menghadapi cabaran globalisasi. Namun begitu, terdapat beberapa elemen teras yang ditekankan dalam PLKN dapat membantu mempersiapkan diri belia untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang dibawa oleh globalisasi.

Elemen teras tersebut merangkumi pemupukan semangat patriotisme dan nasionalisme, perpaduan dan integrasi etnik serta semangat kekitaan bersama yang kuat. Melalui pemerhatian yang telah dibuat, sememangnya para pelatih telah menunjukkan semangat patriotisme dan nasionalisme yang tinggi apabila diuji tentang pengorbanan untuk negara. Rata-rata pelatih menyatakan tahap kecintaan dan kesetiaan yang tinggi terhadap negara dan sanggup mengorbankan apa sahaja demi negara tercinta. Perkembangan ini menyokong pendapat Janowitz (1983) dan dapatan kajian Abdul Rahman Abdul Aziz *et al.* (2004), Mohd. Ainuddin Iskandar Lee *et al.* (2006) dan Mohd. Mahadee *et al.* (2009) yang mendapati PLKN telah berjaya menyuntik dan mempertingkatkan semangat patriotisme dan nasionalisme. Begitu juga dengan perpaduan dan integrasi etnik dilihat lebih terbina dengan kukuh melalui pelbagai aktiviti dan pengalaman yang dilalui bersama sepanjang berada di kem latihan. PLKN memberi ruang yang cukup luas kepada para pelatih untuk kenal-mengenali antara satu sama lain, memahami kepelbagaiannya dalam kumpulan etnik dan belajar untuk menerima serta mengiktiraf perbezaan yang wujud antara mereka. Secara langsung mahupun tidak langsung, para pelatih telah menunjukkan yang mereka lebih terbuka untuk memahami cara hidup serta budaya kumpulan etnik lain dan telah menunjukkan tahap kerjasama yang tinggi. Parsons (1984) melihat aspek kerjasama menjadi inti pati kepada mana-mana program khidmat negara yang boleh membawa manfaat bersama. Malah, perkara yang sama turut menjadi perhatian dalam pelaksanaan PLKN di negara kita.

Di samping itu, penulis dapat melihat lahirnya semangat kekitaan bersama yang kuat dalam diri para pelatih apabila diberikan tugas untuk diselesaikan secara berkumpulan. Mereka boleh bekerjasama dengan baik dan berlumba-lumba untuk menewaskan kumpulan lain. Situasi ini membuktikan sudah wujud ikatan setiakawan walaupun mereka berbeza etnik, agama, bahasa dan budaya. Penghayatan yang baik terhadap semangat patriotisme dan nasionalisme, perpaduan dan integrasi etnik serta semangat kekitaan bersama yang kuat sebenarnya menjadi azimat untuk menangkis cabaran globalisasi. Begitu juga dengan penekanan terhadap keempat-empat modul PLKN iaitu Modul

Fizikal, Modul Kenegaraan, Modul Pembinaan Karakter dan Modul Khidmat Komuniti dapat membina jati diri belia yang cemerlang dan kualiti peribadi mulia yang dapat menilai pengaruh luar, budaya dan cara hidup berorientasikan Barat, serta dapat membuat suatu pemilihan yang terbaik untuk diri sendiri. Oleh itu, penyertaan dalam PLKN amat signifikan kepada golongan muda hari ini. Seperti yang dinyatakan oleh Parsons (1984: 689);

Orang-orang muda perlu diajar dengan kemahiran; mereka perlu tahu untuk menilai sesuatu dengan cepat, perlu teliti, penuh bertimbang rasa, boleh dipercayai, konsisten, hormat, pemurah dan boleh bekerjasama dengan orang lain. Semua nilai ini diterapkan dalam program khidmat negara.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini telah menunjukkan enam alasan utama kenapa implementasi khidmat negara cukup signifikan kepada Malaysia. Apa yang nyata, PLKN diperkenalkan untuk menangani perubahan sosial yang berlaku khususnya dalam kalangan golongan belia. Perubahan sosial ini sememangnya tidak dapat dielakkan kesan daripada perkembangan modenisasi, urbanisasi, migrasi, perubahan teknologi dan globalisasi yang melanda dunia hari ini. Cara hidup lama perlu disesuaikan dengan cara hidup moden, perkara-perkara yang baik harus digalakkan, sementara perkara-perkara yang buruk wajib dielakkan.

## **Rumusan**

Rumusannya, pelaksanaan PLKN mempunyai pelbagai serampang atau sasarannya. Apa yang tersurat ialah meningkatkan semangat patriotisme, memupuk perpaduan dan integrasi nasional, membentuk perwatakan positif, menyuntik semangat kesukarelawanan dan melahirkan generasi muda yang berkualiti. Namun begitu, terdapat banyak elemen lain yang tersirat dalam pelaksanaan PLKN seperti untuk menangani perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat, menangani permasalahan remaja, mewujudkan kesedaran sivik dan seterusnya membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu mengikut acuan sendiri. Dalam mencapai

kesemua matlamat tersebut, pelbagai pendekatan telah diambil melalui kurikulum yang bersifat multidisiplin dengan penekanan kepada Modul Fizikal, Modul Kenegaraan, Modul Pembinaan Karakter dan Modul Khidmat Komuniti. Tidak cukup dengan modul utama, PLKN turut memfokuskan kepada pelaksanaan submodul dengan penekanan kepada komponen teras yang menjadi inti pati utama dalam kehidupan. Penulis berpandangan bahawa pelaksanaan PLKN merupakan satu mekanisme yang menyeluruh dan komprehensif dalam membangunkan golongan muda di Malaysia. Seandainya para pelatih dapat menghayati sepenuhnya segala bentuk ilmu yang diterapkan dalam PLKN, suatu hari nanti hasrat negara untuk melahirkan sebuah negara bangsa yang bersatu padu mungkin menjadi kenyataan. Melalui penelitian yang dibuat, penulis juga berpendapat bahawa PLKN adalah agen sosialisasi politik yang efektif dalam membentuk generasi muda yang patriotik dan matang dalam hal ehwal kenegaraan, politik dan pentadbiran negara. Selain itu, apa yang lebih penting dapat dikongsi melalui makalah ini ialah implementasi PLKN cukup signifikan dalam konteks pembangunan golongan belia yang menjadi tunjang masa depan negara. Cabaran pembentukan sebuah negara bangsa, modenisasi, urbanisasi, perkembangan teknologi, migrasi dan globalisasi perlu bijak ditangani dalam melahirkan sebuah generasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Selain itu, tidak dapat dinafikan, pelaksanaan PLKN di negara kita masih mempunyai banyak kelemahan yang perlu diperbaiki dan dikemas kini dari masa ke semasa, terutamanya berkaitan dengan sistem penyampaian, modul dan kecekapan jurulatih dalam mengendalikan sesuatu aktiviti. Seandainya beberapa perkara asas ini dapat ditambah baik, maka matlamat PLKN akan lebih mudah untuk dicapai dan keberkesaan program pula akan terus meningkat. Justeru, pelaksanaan PLKN perlu mendapat sokongan dan dokongan daripada semua pihak termasuk kerajaan, pihak swasta, NGO, masyarakat setempat dan seluruh generasi muda di Malaysia.

## **Nota**

- <sup>1</sup> Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan (JPKK), Fakulti Ekologi Manusia (FEM), Universiti Putra Malaysia (UPM).
- <sup>2</sup> Pensyarah di Jabatan Pengajian Kewarganegaraan dan Kemasyarakatan (JPKK), Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- <sup>3</sup> Profesor dan Felo Penyelidik Utama di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

## **Rujukan**

- Abdul Rahman Abdul Aziz, Mohd. Sobhi Ishak, Malike Brahim & Mohd. Ainuddin Iskandar Lee Abdullah. (2004). *Penyelidikan program khidmat negara dari aspek gagasan kenegaraan*. Laporan Penyelidikan. Sintok: Pusat Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. (2000). Wacana globalisasi. Dlm. Norani Othman & Sumit K. Mandal (eds.). *Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta atau Mangsa?* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. (2001). *Negara bangsa: Proses dan perbahasan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. (2006). *Negara bangsa: Proses dan perbahasan (Edisi Kedua)*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abraham, T. C. (2010). *Communitizing education through national service scheme*. Mahatma Gandhi University: School of Gandian Thought and Development Studies.
- Anon. (2012). JLKN perkenal modul smart solat bantu pelatih dalam ibadah. *Sinar Harian*, 13 September.
- Anon. (2012). Keunikan PLKN jadi tarikan pihak luar negara. *Berita Harian*, 6 September.
- Azizan Bahari. (1998). Modernisasi: Implikasi dan cabaran kepada belia. Dlm. Azimi Hamzah & Turiman Suandi (eds.). *Pengukuh Sinergi Belia dan Negara: Agenda Agen Pembangunan Pewaris Negara*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Barber, B. R. (1995). *Jihad vs. McWorld*. New York, United States: Times Books.
- Brooke, N., Sampaio, H., & Vargas, E. (2000). Brazil: Youth service in action. *Worldwide workshop on youth involvement as a strategy for social, economic and democratic development*. Held in San Jose, Costa Rica, January 4-7, New York: The Ford Foundation.
- Bucholtz, M. (2002). Youth and cultural practice. *Annual Review of Anthropology*, 31: 525-552.
- Chiang, M. (1997). *SAF and 30 years of national service*. Singapore: Armour Publishing.

- Chuan, Ong Eng. (2005). *National service in Singapore: Early years*. Singapore Infopedia. An electronic encyclopedia on Singapore's history, culture, people and events.
- Cohen, R. & Kennedy, P. (2007). *Global sociology*. New York: Palgrave MacMillan.
- Fehnel, R., Sisulu, S., Kodwa, G., Nazeema Mohamed & Perold, H. (2000). South Africa: Youth service in action. *Worldwide workshop on youth involvement as a strategy for social, economic and democratic development*. Held in San Jose, Costa Rica, January 4-7, New York: The Ford Foundation.
- Fenton, S. (2010). *Ethnicity*. Cambridge: Polity Press.
- Government of India. (2006). *National service scheme manual (Revised)*. New Delhi: Ministry of Youth Affairs & Sports.
- Grigsby, C. A. (2008). Binding the nation: National service in America. *Parameters*, 38(4): 109-123.
- Gungwu, W. (2005). Contemporary and national history: A double challenge. Dlm. W. Gungwu (eds.). *Nation-building: Five Southeast Asian Histories*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Hugo, G. (1993). Indonesian labour migration to Malaysia: Trends and policy implications. *Southeast Asian Journal of Social Science*, 21(1): 36-70.
- Hugo, G. (2006). *Globalisation and Asian youth: A demographic perspective United Nations regional expert group meeting on development for young people in Asia*. Bangkok: UNCC.
- Iran Herman, Asmah Bee Md. Noor, Hamzah Samat & Azemi Shaari. (2006). *Penilaian program latihan khidmat negara melalui gagasan psikologi*. Laporan Penyelidikan. Universiti Utara Malaysia.
- Jabatan Latihan Khidmat Negara. (2008). *Laporan tahunan*. Kuala Lumpur: Jabatan Latihan Khidmat Negara.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2012). *Laporan penyiasatan migrasi Malaysia, 2011*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Janowitz, M. (1983). *The reconstruction of patriotism*. Chicago: University of Chicago Press.
- Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara. (2007). *Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara: Ringkasan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)*. Kuala Lumpur: Jabatan Latihan Khidmat Negara.
- Jayasankaran, S. (2004). Nation-building. *Far Eastern Economic Review*, 167(5): 20.
- Kheng, C. B. (2002). *Malaysia: The making of a nation*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Krauss, S. E. (2008). The global youth anti-culture: Realities, trends and implications for Malaysian youth research. *Pertanika Journal Social Science and Humanism*, 16(1): 75-84.

- Mahathir Mohamad. (1991). *Malaysia melangkah ke hadapan*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Mahathir Mohamad. (1992). *Towards a united Malaysian nation*. Speech at the United Malaysian Nation by the year 2020 Dinner, Kuala Lumpur, 31 Januari 1992. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan.
- Massey, D. S., Arango, J., Hugo, G., Kouaouci, A., Pellegrino, A., & Taylor, J. E. (2010). Causes of migration. In. Guibernau, M. & Rex, J. (eds.). *The ethnicity reader: Nationalism, multiculturalism and migration*. Cambridge: Polity Press.
- Miller, D. (2003). *Political philosophy: A very short introduction*. New York: Oxford University Press.
- Moghaddam, F. M. (2009). Omniculturalism: Policy solutions to fundamentalism in the era of fractured globalization. *Culture & Psychology*, 15(3): 337-347.
- Mohd. Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, Abdul Rahman Abdul Aziz, Mohd. Sobhi Ishak & Malike Brahim. (2006). Laporan Kajian Nilai-nilai Kenegaraan dalam kalangan Pelatih-pelatih Khidmat Negara Siri Empat.
- Mohd. Mahadee Ismail, Jayum Jawan, Zaid Ahmad, Adlina Ab. Halim & Sarjit Singh Darshan Singh. (2009). Penghayatan Semangat Patriotisme dan Nasionalisme: Pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Laporan Projek Sciencefund, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia.
- Mohd. Noor Mat Yazid. (2010). *Modenisasi, masyarakat Malaysia dan ICT: Isu, cabaran dan penyelesaian*. Program Hubungan Antarabangsa, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Mohd. Taib Osman. (2004). *Globalisasi, patriotisme dan isu-isu kemasyarakatan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Moskos, C. C. (1988). *A call to civic service: National service for country and community*. New York: The Free Press.
- Myrdal, G. (1963). *Economic theory and underdevelopment region*. London: Methuen & Co.
- Osman Bakar. (2008). Pengaruh globalisasi terhadap peradaban. *Jurnal Peradaban*, Jilid 1, 75-98.
- Parsons, C. (1984). National service for all. *The Phi Delta Kappan*, 65(10), 688-689.
- Pillai, P. (1995). Malaysia: Labour migration in Asia. *Asean Economic Bulletin*, 12(2): 221-236.
- Rashila Ramli. (2005). Malaysian youth: From government policies to grassroots aspiration. Dlm. Gale, F. dan Fahey, S. (eds.). *Youth in transition: The challenges of generational change in Asia*. The Association of Asian Social Science Research Councils (AASSREC).
- Slavin, S. (2000). *Educational psychology*. London: Logan.
- Smith, T. W. (1990). National service. *The Public Opinion Quarterly*, 54(2): 273-285.

- Turner, B. S. (2002). Cosmopolitan virtue, globalization and patriotism. *Theory Culture Society*, 19: 45-63.
- United Nations. (2007). *World Youth Report 2007*. New York: United Nations Department of Social & Economic Affairs.
- Yahya Don, Abdull Sukor Shaari & Mohd. Naem Ajis. (2005). *Penilaian Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Melalui Gagasan Latihan Fizikal*. Laporan Penyelidikan. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- [www.khidmatnegara.gov.my/index.asp](http://www.khidmatnegara.gov.my/index.asp)
- [www.khidmatnegara.gov.my/plkn/modul-latihan/modul-kenegaraan/](http://www.khidmatnegara.gov.my/plkn/modul-latihan/modul-kenegaraan/)
- [www.khidmatnegara.gov.my/plkn/modul-latihan/modul-khidmat-komuniti/](http://www.khidmatnegara.gov.my/plkn/modul-latihan/modul-khidmat-komuniti/)
- [www.khidmatnegara.gov.my/plkn/modul-latihan/modul-pembinaan-karakter/](http://www.khidmatnegara.gov.my/plkn/modul-latihan/modul-pembinaan-karakter/)
- [www.khidmatnegara.gov.my/plkn/objektif/](http://www.khidmatnegara.gov.my/plkn/objektif/)

